

Berita Harian Mei 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Selasa 1 Mei 2018	Siasatan pendakwa raya Switzerland tidak berkait 1MDB	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	3
2.	Isnin 7 Mei 2018	99 peratus capaian bekalan air menjelang 2020	Timbalan Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Dr Tan Yew Chong	4
3.	Jumaat 11 Mei 2018	Peguam Negara, bekas KPN disiasat; SPRM dikaji semula	Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad	6
4.	Ahad 12 Mei 2018	Kembalikan integriti SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
5.	Ahad 13 Mei 2018	Kerajaan cukup pendapatan hapus GST - PM	Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad	10
6.	Isnin 14 Mei 2018	Projek Lebuhraya Pan Borneo diteruskan	PENERUSI Pakatan Harapan Sarawak Chong Chieng Jen	12
7.	Isnin 14 Mei 2018	RCI mengenai 1MDB?	PERDANA Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad	14
8.	Isnin 14 Mei 2018	Malaysia akan penuhi obligasi hutang - Zeti	BEKAS Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Zeti Akhtar Aziz	15
9.	Isnin 14 Mei 2018	Malaysia mampu penuhi keperluan perolehan tanpa GST	Bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM)	17
10.	Rabu 16 Mei 2018	Pakatan Harapan tuntut siasatan penjualan tanah DBKL	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
11.	Rabu 16 Mei 2018	Lebih banyak penyelewengan dalam 1MDB - PM	Tun Dr Mahathir Mohamad	21
12.	Rabu 16 Mei 2018	Pemansuhan GST tetap dilaksanakan - PM	PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad	23
13.	Rabu 16 Mei 2018	Jabatan Audit hadapi masalah siasat 1MDB	Jabatan Audit Negara (JAN)	25
14.	Rabu 16 Mei 2018	Pelaburan lemah 1MDB di luar negara	Jabatan Audit Negara (JAN)	27

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
15.	Khamis 17 Mei 2018	Banyak angka kewangan mencurigakan - PM	PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad	29
16.	Jumaat 18 Mei 2018	Daim panggil Jho Low balik bantu siasatan	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	31
17.	Jumaat 18 Mei 2018	Segera tubuh RCI siasat FELDA	Presiden Persatuan Anak Peneroka FELDA Kebangsaan (ANAK), Mazlan Aliman	32
18.	Isnin 21 Mei 2018	Justo temui PM	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	34
19.	Isnin 21 Mei 2018	Kerajaan tubuh Pasukan Khas Siasatan 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	35
20.	Selasa 22 Mei 2018	Kerajaan bayar hutang 1MDB - Guan Eng	MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng	37
21.	Selasa 29 Mei 2018	'Pembatalan projek HSR ambil kira semua aspek'	Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail	39
22.	Rabu 30 Mei 2018	Perlu teliti semula laporan audit 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	41

1MDB

1Malaysia Developement Berhad

1. Siasatan pendakwa raya Switzerland tidak berkait 1MDB

KUALA LUMPUR: Siasatan terhadap sebuah syarikat minyak Arab Saudi oleh pendakwa raya Switzerland, tidak berkait dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

1MDB dalam satu kenyataan, berkata siasatan yang didakwa berkaitan dengan sistem perbankan Switzerland dan rakyat negara itu, tidak menyebut mengenai wujud sebarang salah laku oleh syarikat pelaburan negara itu atau kakitangannya.

Sehubungan itu, mengait dan memutarbelitkan siasatan pendakwa raya Switzerland dengan menyiasat 1MDB dan pemegang sahamnya, adalah salah serta tidak bertanggungjawab.

"Kami menegaskan 1MDB bukan subjek siasatan jenayah mana-mana pihak, sama ada di Malaysia atau antarabangsa.

"Kami sentiasa bersedia untuk bekerjasama dalam siasatan mana-mana pihak berkuasa, selaras dengan protokol antarabangsa, namun sehingga hari ini, 1MDB tidak menerima sebarang permintaan seumpamanya.

"1MDB meminta semua pihak untuk tidak mempolitikkan sebarang siasatan pihak berkuasa Switzerland, serta mengaitkan 1MDB untuk kepentingan politik pada waktu pilihan raya yang sensitif ini," kata kenyataan itu, hari ini.

Beberapa media antarabangsa hari ini melaporkan satu siasatan dijalankan oleh pendakwa raya Switzerland terhadap syarikat PetroSaudi yang sebelum ini dikaitkan dengan 1MDB.



JURUTERA Projek Teknik Datasaab, Rajeswari (kiri) menunjukkan CCTV Pipeline Investigation and Robotic Repair (Sewer Rehabilitation) kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Dr Tan Yew Chong (dua kanan) selepas majlis pelancaran Trenchless Asia 2018 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

2. 99 peratus capaian bekalan air menjelang 2020

KUALA LUMPUR: Malaysia yakin dapat meluaskan capaian bekalan air hingga 99 peratus ke seluruh negara menjelang 2020.

Timbalan Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Dr Tan Yew Chong, berkata setakat ini, liputan bekalan air di seluruh negara ialah 96.4 peratus, manakala perkhidmatan pembetungan bersambung pada 78.7 peratus dan air bukan hasil pada 34.6 peratus.

"Aspirasi negara menerusi NKPI (Petunjuk Prestasi Utama Nasional) menyasarkan pencapaian bekalan hingga 99 peratus, manakala perkhidmatan pembetungan bersambung mencapai 85 peratus dan mengurangkan air bukan hasil kepada 31 peratus menjelang 2020.

"Bagi mencapai sasaran itu, kementerian sudah menyediakan arahan, pelan dan projek dasar bagi melaksanakan tumpuan bidang utama termasuk kuantiti dan kualiti air selain memperluaskan akses kepada perkhidmatan air dan pembetungan, mengukuhkan bekalan, pengawalseliaan serta memodenkan sektor melalui teknologi dan pemprosesan," katanya selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Trenchless Asia 2018, di sini, hari ini.

Yew Chong berkata, lebih RM1.12 bilion sudah diperuntukkan kepada KeTTHA bagi membangunkan projek air dan air kumbahan di negara ini.

"Ini menunjukkan kesungguhan serta komitmen kerajaan untuk memenuhi sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) yang bertujuan mengukuhkan infrastruktur selaras dengan sokongan pengembangan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha untuk mempromosikan produk kecekapan air, kerajaan sedang membangunkan rancangan komprehensif untuk meningkatkan keberkesanan skim label kecekapan air (WEPLS) serta menyasarkan kempen promosi kepada pembekal dan pengguna.

Selain itu, katanya, kerajaan juga bercadang untuk melaksanakan WEPLS sebagai mandatori kepada produk tempatan dan import menjelang 2019.

Trenchless Asia 2018 adalah acara ke-10 di rantau Asia dan diadakan kali kedua di Kuala Lumpur sejak 2016.

Penganjuran dua hari itu dijangka dihadiri kira-kira 1,000 delegasi termasuk ahli teknologi trenchless dari dalam dan luar negara.

INFO:

- Teknologi trenchless menyediakan penyelesaian ekonomi dan mengurangkan impak sosial serta alam sekitar.
- Teknologi itu banyak digunakan dalam pembinaan mega seperti projek Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Masa.



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada sidang media di Yayasan Albukhary, Kuala Lumpur

3. Peguam Negara, bekas KPN disiasat; SPRM dikaji semula

KUALA LUMPUR: Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, mungkin akan disiasat berkaitan pembabitan dalam kes syarikat pelaburan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pada masa ini nampaknya Peguam Negara memperlekehkan peranannya dan seakan menyembunyikan perkara sebenar.

Tegas beliau, tindakan akan diambil berdasarkan undang-undang negara atas nasihat peguam dan pentadbiran negara.

"Kita akan siasat mana-mana pihak yang kita tahu terbabit dengan jenayah rasuah ini," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Presiden Pakatan Harapan (PH) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menegaskan kerajaan akan tumpukan kepada memerangi rasuah dan mengawalnya supaya hanya berada pada tahap paling minimum.

Katanya, mungkin sukar menghapuskan rasuah buat masa ini, namun ketika pilihan raya, ada sokongan yang dibeli dan wujud persempadanan semula kawasan pilihan raya.

"Semua perkara itu semakin teruk jika tidak dibanteras, malah tidak mustahil PH boleh menang dengan majoriti dua pertiga jika semua itu tidak berlaku," katanya.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan diteliti semula fungsi dan peranannya dalam membanteras rasuah.

"Jika kita lihat wujud prejudis atau berat sebelah, mungkin akan berlaku perubahan besar termasuk membabitkan pengurusan tertinggi suruhanjaya itu" katanya.

Beliau berkata, sepanjang kempen pilihan raya, SPRM nampaknya seperti tidak menghiraukan fakta berlakunya rasuah.

"Kita boleh lihat banyak gambar yang membuktikan rasuah berlaku, malah dua hari lalu kita lihat tiada ceramah dibuat hanya wang diberikan kepada penyokong.

"Kita akan siasat perkara ini kerana kita mahu pastikan undang-undang negara dipatuhi, bukannya hendak membala dendam," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Tan Sri Mohamad Hashim Abdullah, juga boleh disiasat jika ada unsur salah guna kuasa dan rasuah.

Sementara itu, ditanya mengenai kedudukan ringgit yang jatuh berikutan pelantikannya sebagai Perdana Menteri, beliau berkata buat masa ini negara berada dalam kedudukan tidak menentu kerana Kabinet belum dibentuk lagi.

Mengenai hubungan luar pula, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengekalkan hubungan yang baik dengan semua negara dan tidak tertumpu pada satu negara atau kuasa besar sahaja.

"Ini demi kelangsungan supaya produk Malaysia dapat memasuki pasaran antarabangsa, kita sedar bahawa ada kemungkinan kuasa besar membuat sekatan terhadap dasar perdagangan negara.

"Namun, kita akan bersikap adil tanpa mengira fahaman sama ada negara itu komunis atau bukan," katanya.



4. Kembalikan integriti SPRM

BACHOK: Bekas Pengarah Bahagian Operasi Khas (BOK) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Bahri Mohamad Zain menyifatkan usaha Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menjalankan siasatan semula berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah tepat.

Bahri berkata, setiap individu yang melakukan kesalahan wajib disiasat dan dibawa ke mahkamah mengikut peruntukan undang-undang.

Katanya, tindakan terhadap pesalah tiada batas masa selagi individu itu masih hidup, saksi masih ada dan bukti kukuh yang layak dibawa ke mahkamah.

"Bagaimanapun, siasatan bergantung pada Jabatan PEGUAM NEGARA (AGC), AGC kena keluarkan sebutan kes semula, sebenarnya itulah yang saya selalu doakan kerana kita sudah tidak ada tempat lain nak rujuk, sebelum ini AGC terlalu bergantung pada yang dituduh.

"Sebab dalam SPRM sendiri ada yang terlalu memihak kepada pihak tertentu, apabila dia memihak pada mana-mana pihak, dia tak layak jadi SPRM," katanya ketika ditemui dalam Majlis Kesyukuran dan sambutan hari lahir kakitangan Akademi Memandu KIST (AMKIST), Telong, Kandis, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri yang akan menjalankan siasatan semula 1MDB membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bahri antara individu yang mengejutkan negara apabila bertindak bersara awal selepas mengendalikan kes 1MDB.

Sebelum ini, beliau yang berkhidmat dalam SPRM sejak 33 tahun lalu menyertai BOK yang ditubuhkan SPRM bagi menjalankan siasatan kes berprofil tinggi membabitkan rasuah bernilai lebih RM1 juta termasuk 1MDB.

Mengulas lanjut, Bahri turut mendedahkan ada segelintir pegawai SPRM yang dilihat berat sebelah dengan hanya menjalankan siasatan terhadap pihak tertentu sahaja.

"Ucapan Dr Mahathir supaya menangkap mana-mana pegawai yang memihak pada satu pihak sahaja umpama kata keramat.

"Saya rasa jika SPRM dibebaskan dari mana-mana pihak dan pegawainya ada keberanian, kita akan setanding dengan Independent Commission Against Corruption (ICAC) Indonesia, Hong Kong dan Singapura," katanya.



5. Kerajaan cukup pendapatan hapus GST - PM

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mempunyai pendapatan mencukupi untuk menghapuskan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Perdana Menteri berkata, pihaknya sedar banyak pihak ditekan dengan cara salah dan dipaksa membayar cukai lebih daripada ditentukan undang-undang oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

"Siapa yang dipaksa, berapa banyak mereka terpaksa bayar, kita akan cuba ganti balik wang mereka. Tetapi, kerajaan kena tahu (dapatkan maklumat) daripada mereka sendiri yang sudah bayar cukai .

"Mereka didekati Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan dipaksa bayar. Jika tak bayar, mereka akan didera dengan disenarai hitam tak boleh keluar negara, pasport ditarik balik atau serbuan diadakan, dan buku akaun dirampas serta mengganggu perniagaan," katanya pada Sesi Penerangan Perdana Menteri, di kediamannya, di sini, sebentar tadi.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar kegelisahan rakyat terhadap dasar cukai kerajaan dan sudah cuba menerangkan dasar kerajaan baharu sebagai mesra perniagaan serta terbuka.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan membentuk Dasar Anti-Rasuah dalam pentadbiran bagi membendung menteri Kabinet daripada terbabit rasuah.

"Kerajaan tidak mahu menteri terbabit korupsi (rasuah). Ketika mengadakan pilihan raya, kita (kerajaan) mengutip banyak wang dibiaya untuk pilihan raya, kita terima banyak derma dan dana.

"Sekarang, kita sudah menang, tiada lagi pilihan raya. Tiada individu atau parti yang boleh menerima derma daripada orang melainkan dengan keizinan atau dimaklumkan kepada Kabinet," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga bercadang mengehadkan pemberian hadiah kepada penjawat awam dalam bentuk makanan atau bunga, bukannya barang bernilai.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengutamakan syarikat tempatan yang mahir pembangunan infrastruktur untuk melaksanakan projek pembangunan negara.

"Ramai rakyat Malaysia (syarikat tempatan) yang cekap dalam pembangunan, (jadi) kita boleh bina bandar kita sendiri dan keperluan rakyat. Kerajaan akan tentukan pengagihan projek kerajaan terbuka kepada syarikat tempatan.

"Kalau ada projek besar (mega), kalau tidak ada kepakaran, baru kita buat tender terbuka kepada syarikat luar negara. (Kalau) Pemilihan nampak ganjil (mencurigakan) kerajaan akan selidik menerusi penjawat awam yang akan menjalankan tugas menyelidik," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji prestasi ekonomi dan mengarahkan penyelidikan ketat terhadap jumlah hutang kerajaan dan wang dibelanjakan dalam pentadbiran dulu.

Susulan itu, katanya, kerajaan mencadang meminda undang-undang berkaitan dan cuba mengurangkan sebarang masalah ekonomi dalam negara.



PENGERUSI Pakatan Harapan Sarawak Chong Chieng Jen dan Ahli Parlimen Bandar Kuching Dr Kelvin Yii pada sidang akhbar yang diadakan di ibu pejabat DAP.

6. Projek Lebuhraya Pan Borneo diteruskan

KUCHING: Pakatan Harapan (PH) Sarawak memberi jaminan projek Lebuhraya Pan Borneo tidak akan terjejas walaupun Kerajaan Persekutuan sudah bertukar.

Pengerusinya, Chong Chieng Jen, berkata ramai penduduk negeri ini bimbang projek bernilai berbilion ringgit akan dihentikan jika kerajaan bertukar.

"Saya tahu ramai tertanya-tanya sama ada projek itu akan dihentikan. Jadi, saya memberi jaminan ia akan diteruskan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat DAP, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Chieng Jen berkata, proses audit membabitkan kontraktor utama dan subkontraktor akan dijalankan.

"Kami akan mengkaji proses pelantikan kontraktor dan proses tender kontrak. Kami mahu memastikan mereka yang melakukan kerja dibayar dengan harga kontrak dan tidak mahu wang masuk ke dalam poket peribadi kroni," katanya sambil mengharapkan projek mega itu dapat disiapkan mengikut jadual.

Ahli Parlimen Stampin itu berkata, pihaknya dimaklumkan berlaku kelewatan projek itu disebabkan kelewatan pembayaran kepada subkontraktor.

"Kami akan cuba menyelesaikan masalah itu dan mempercepatkan projek apabila Kabinet Persekutuan dibentuk sepenuhnya," katanya.

Apabila ditanya sama ada bekas Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan abangnya, Tan Sri Bustari Yusof disiasat berhubung kelewatan pembayaran kepada subkontraktor, Chieng Jen berkata, beliau tidak dapat mengesahkannya.

"Saya fikir kita perlu menyemak dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebelum saya boleh membuat sebarang pengesahan," katanya.

Bustari adalah pemilik Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd yang melaksanakan projek pembinaan lebuh raya bernilai RM27 bilion.

7. RCI mengenai 1MDB?

PERDANA Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika sidang media di pejabatnya Yayasan Kepimpinan Perdana hari ini

PUTRAJAYA: Kerajaan perlu menetapkan pertuduhan yang kukuh terhadap mereka yang terbabit dalam kontroversi berkaitan dana pelaburan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebelum menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI), kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak boleh terus (menubuhkan) Suruhanjaya Diraja sehingga kita mempunyai beberapa pertuduhan kukuh terhadap mereka.

"Selepas itu, barulah kita mempunyai pilihan untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk meneliti banyak aspek berbeza yang membabitkan 1MDB," kata beliau pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat bersama ketua setiausaha kementerian di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Dr Mahathir menjawab soalan mengenai janji Pakatan Harapan untuk menubuhkan RCI, seperti yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Mengenai status dokumen yang sensitif, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada dokumen itu telah dimusnahkan atau dikeluarkan tetapi telah mengarahkan semua kementerian bahawa tiada apa-apa dokumen boleh dikeluarkan atau dimusnahkan dari sekarang.

Mengenai usaha mendapatkan pengampunan diraja bagi Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata ia mungkin tertangguh sedikit tetapi janji untuk membebaskan beliau akan diteruskan dengan beberapa proses undang-undang perlu dipatuhi



BEKAS Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Zeti Akhtar Aziz

8. Malaysia akan penuhi obligasi hutang - Zeti

KUALA LUMPUR: Majlis Penasihat Kerajaan memberi jaminan bahawa Malaysia akan memenuhi tanggungjawab hutangnya di bawah kerajaan baharu dan menekankan bahawa perubahan politik semasa di negara ini berlaku pada 'masa yang sangat positif'.

Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, yang juga sebahagian daripada pasukan lima anggota itu berkata, negara ini mengalami tempoh pelarasan, tetapi ia juga disokong oleh persekitaran ekonomi yang menggalakkan seperti harga minyak dunia yang lebih tinggi.

"Minyak kini diniagakan melepas AS\$70 setong dan dengan itu terdapat sedikit kelegaan. Kita perlu mengambil kesempatan ini untuk melaksanakan dasar tertentu supaya kita akan mempunyai pelarasan yang teratur.

"Ini juga mengambil kira keupayaan institusi seperti Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan," kata bekas Gabenor Bank Negara itu kepada Bernama selepas menghadiri sesi taklimat dengan tiga agensi penarafan antarabangsa, hari ini.

Zeti mengadakan pertemuan secara berasingan dengan agensi penarafan Moody's Investors Service, S&P Global Ratings dan Fitch Ratings, untuk membincangkan persekitaran semasa di negara ini.

Dalam pertemuan itu, beliau turut memberi penjelasan mengenai hala tuju dasar yang meluas di bawah kerajaan baharu, isu Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), subsidi serta bagaimana Malaysia boleh memenuhi keperluan pendapatannya berikut penghapusan cukai itu.

Wanita pertama menjadi gabenor bank pusat itu berkata, Majlis Penasihat Kerajaan akan melihat keseluruhan pengurusan kedudukan fiskal, termasuk proses tadbir urus, bagaimana keputusan dibuat serta tahap ketelusan dan pendedahan.

Selain Zeti, anggota lain majlis berkenaan adalah bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Merican; ahli ekonomi, Prof Jomo Kwame Sundaram dan taikun, Tan Sri Robert Kuok.



9. Malaysia mampu penuhi keperluan perolehan tanpa GST

KUALA LUMPUR: Malaysia mampu untuk memenuhi keperluan perolehannya walaupun selepas memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan meneliti keutamaan terhadap projeknya, meningkatkan kecekapan sektor awam, mengelakkan pembaziran dan meneroka sumber pendapatan baharu, kata Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) itu juga menyatakan keyakinan terhadap ekonomi negara yang boleh dipandu ke arah yang betul dan tempoh masa 100 hari adalah mencukupi untuk menyediakan sesuatu yang jelas dan melakukan pengubahsuaian serta perubahan diperlukan.

"Saya berasa inilah juga yang diperlukan pasaran. Mereka mahu menyaksikan komitmen berkenaan dan lebih jelas terhadap apakah yang akan dilakukan (oleh kerajaan)," katanya selepas menghadiri sesi taklimat berasingan dengan agensi penarafan kredit antarabangsa, Moody's Investors Service, Standard & Poor's Global Ratings dan Fitch Ratings, di sini, hari ini.

Gabenor wanita pertama yang menerajui bank pusat berkenaan selama 16 tahun itu adalah anggota Majlis Penasihat Kerajaan yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada Sabtu.

Dipengerusikan oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, turut sama di dalam majlis itu adalah bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Tan Sri Mohd Hassan Merican; pakar ekonomi, Prof Jomo Kwame Sundaram dan ahli perniagaan, Robert Kuok.

Mengulas sama ada prestasi penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) dan ringgit pada hari ini adalah disebabkan oleh keyakinan semula terhadap ekonomi, Zeti menegaskan:

"Dalam keadaan tidak menentu akan ada turun naiknya."

Ketika penggiat pasaran melihat komitmen dan kemampuan institusi seperti BNM, Kementerian Kewangan dan agensi lain dalam melaksanakan pembaharuan yang sepatutnya, beliau berkata:

"Saya percaya wujudnya potensi yang boleh membawa kepada keyakinan itu dan kita menuju ke arah masa depan yang lebih baik serta cerah."

Mengulas contoh kejayaan Malaysia mengatasi situasi serupa sebelum ini, Zeti berkata, kunci kemampuan itu adalah kepada usaha meneliti keutamaan terhadap projek itu.

"Kita pernah melakukan perkara serupa ketika era pentadbiran Dr Mahathir pada pertengahan 1990-an.

"Berikutan banyaknya projek mega yang dilaksanakan, imbangan pembayaran defisit akaun semasa kita melebihi 10 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan meningkatkan ketidaktentuan negara.

"Pada waktu itu, kita menasihatkan beliau supaya meneliti semula keutamaan projek-projek mega dan menangguhkan pelaksanaannya pada masa depan.

"Dalam masa dua tahun, imbangan pembayaran defisit akaun semasa pulih kepada 4.6 peratus daripada KDNK berbanding melebihi 10 peratus seperti sebelumnya. Kita sudah melakukannya sebelum ini dan akan mampu mengulanginya," katanya.



AHLI Parlimen Kepong, Lim Lip Eng (empat dari kiri) bersama Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh (empat dari kanan) menunjukkan laporan SPRM mengenai 64 tanah lot yang dijual oleh DBKL di Pejabat SPRM, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur.

10. Pakatan Harapan tuntut siasatan penjualan tanah DBKL

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) menuntut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadap penjualan 64 lot tanah yang dibuat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di antara 2014 hingga 2018.

Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng, berkata laporan berkaitan penjualan tanah membabitkan keluasan 171.7 hektar itu sudah diserahkan kepada SPRM Wilayah Persekutuan hari ini.

Beliau berkata, pengurusan tertinggi sebuah yayasan yang terbabit dalam pembelian tanah itu perlu disiasat SPRM berhubung peranannya dalam penjualan tanah berkenaan.

Beliau berkata, sekiranya lot tanah berkenaan digunakan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP), ia perlu diteruskan jika pembinaan sudah bermula, hampir siap dan sudah siap.

"Bagaimanapun, jika projek belum bermula ia perlu dihentikan serta merta untuk membolehkan SPRM melakukan siasatan," katanya kepada media selepas menyerahkan laporan kepada SPRM Wilayah Persekutuan, di sini hari ini. Yang turut hadir Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh.

Semalam, tiga daripada 11 Ahli Parlimen sekitar Kuala Lumpur, mengadakan pertemuan dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd Amin Nordin, bagi mendapatkan laporan terperinci berkaitan projek kerajaan terdahulu.

Laporan penuh itu termasuk penjualan 64 tanah lot oleh DBKL kepada yayasan berkenaan dibuat di antara 2014 hingga 2018, yang mana hanya 30 lot dibina dengan rumah mampu milik, manakala selebihnya untuk tujuan komersial dan pembinaan kondominium.

Jumlah keseluruhan nilai lot tanah berkenaan dianggarkan RM4.28 bilion.

Sementara itu, Hannah Yeoh berkata, siasatan segera perlu dilakukan demi kepentingan awam kerana lot tanah berkenaan sepatutnya digunakan untuk manfaat masyarakat bukan kepentingan individu.

"Kami mahu siasatan segera bagi menentukan sama ada lot tanah berkenaan digunakan untuk kepentingan awam atau kemungkinan wujud penyelewengan," katanya.



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya

11. Lebih banyak penyelewengan dalam 1MDB - PM

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, jelas wujud lebih banyak kesalahan dan penyelewengan dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), berbanding apa yang diketahui umum selama ini.

Perdana Menteri, berkata beliau sudah mendapat taklimat daripada polis, termasuk membaca laporan pengauditan yang sudah dikelaskan sebagai dokumen terbuka, kelmarin.

"Kita akan mengambil tindakan dan membuat laporan polis, apabila sampai tahap boleh membuat tangkapan, polis) akan tangkap mereka yang bersalah.

"Tiada beza di antara orang tertentu (pangkat dan kedudukan) untuk didakwa," katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) di sini, hari ini.

Semalam, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, dalam kenyataannya berkata, laporan pengauditan 1MDB yang pernah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) pada 4 Mac 2016 kini sudah boleh dirujuk orang ramai.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, adalah penting bagi kerajaan untuk membawa pulang wang berkaitan 1MDB yang berada di beberapa negara termasuk Amerika Syarikat (AS), Switzerland dan Singapura.

"Sebab itu, kita hubungi negara-negara terbabit untuk kita dapatkan semula duit yang ada pada mereka. Kita buat kenyataan bahawa wang itu milik Malaysia dan 1MDB. Kita akan pohon wang itu dikembalikan.

"Jumlahnya agak besar dan ini akan menolong kita dalam menyelesaikan pelbagai jenis hutang," katanya.

Beliau berkata, jumlah sebenar keseluruhan wang berkenaan di luar negara masih belum dapat diketahui lagi tetapi di AS sahaja memiliki jumlah terbesar iaitu AS\$4.5 bilion (RM18.83 bilion).

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, terpulang kepada polis untuk memanggil bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bagi membantu siasatan berkaitan 1MDB.

Ditanya juga sama ada bukti mencukupi bagi mendakwa Najib, katanya, jika mempunyai bukti yang cukup, tindakan boleh diambil.

Ditanya sama ada Najib dikenakan tahanan rumah, Perdana Menteri berkata, Najib hanya tidak dibenarkan ke luar negara.



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya

12. Pemansuhan GST tetap dilaksanakan - PM

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan yang kerajaan Pakatan Harapan (PH) pimpinannya tetap akan memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) seperti dijanjikan dan pembayaran balik akan dibuat kepada yang membuat tuntutan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terdahulu sudah memungut jumlah yang lebih, berbanding kadar yang perlu dibayar rakyat.

"GST, Akta Antiberita Tidak Benar serta Akta Majlis Keselamatan Negara dan beberapa lagi undang-undang akan distruktur semula," katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata penubuhan Kabinet teras yang terdiri daripada 10 Menteri dijangka dapat diumumkan dalam minggu ini.

Perdana Menteri berkata, barisan penuh Kabinet pentadbiran adalah 25 orang, namun baki kekosongan akan diisi secara berperingkat.

Selain itu, beliau berkata slogan 1Malaysia yang dipelopori kerajaan terdahulu akan digantikan dengan slogan baharu yang bersesuaian.

"Kita mungkin terpaksa tukar kepada slogan lain, namun pada waktu ini, kita belum kenal pasti slogan yang sesuai," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata beliau akan memulakan tugas di Pejabat Perdana Menteri pada minggu depan.

Ketika ini, Perdana Menteri menjalankan tugas dan mengadakan mesyuarat di YKP sejak dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-7 pada 10 Mei lalu.

13. Jabatan Audit hadapi masalah siasat 1MDB

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara (JAN) menghadapi kekangan semasa menjalankan pengauditan di mana sebahagian daripada dokumen asal dan penting lewat diserahkan atau tidak diserahkan oleh syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi tujuan pengesahan transaksi dan sebagai bukti audit.

Berdasarkan Ringkasan Eksekutif Laporan Pengauditan 1MDB, kekangan ini memberi kesan yang ketara terhadap pengauditan dari segi mengesahkan kedudukan sebenar kewangan dan operasi syarikat serta transaksi berkaitan.

Antara dokumen yang tidak diserahkan adalah Akaun Pengurusan (*Management Account*) Kumpulan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 dan penyata bank dari institusi kewangan luar negara.

"Tiada capaian dapat dibuat terhadap komputer, 'notebooks' dan 'servers' di 1MDB bagi mendapatkan data serta maklumat untuk tujuan rujuk silang dan analisis semasa pengauditan," katanya laporan itu.

Dalam laporan itu, JAN juga mengenalpasti punca syarikat 1MDB dirundung masalah adalah daripada aspek berkaitan tadbir urus korporat dan kawalan dalam kumpulan secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan.

Laporan itu mendedahkan, puncanya adalah sebahagian tindakan pengurusan 1MDB dan keputusan oleh Lembaga Pengarah syarikat itu didapati dibuat secara tidak teratur.

"Dalam tempoh 2009 hingga 2015, beberapa keputusan pelaburan penting dengan nilai pelaburan yang tinggi dibuat melalui resolusi Lembaga Pengarah 1MDB tanpa perbincangan dan penilaian secara terperinci.

"Beberapa pertimbangan berhubung pelaburan dibuat dalam tempoh yang singkat dan berisiko tinggi.

"Bagaimanapun, Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB sudah memaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 19 Januari 2016 bahawa perbincangan ada dibuat sebelum kelulusan diberi melalui resolusi," katanya.

Selain itu, laporan berkenaan juga mendedahkan, dalam beberapa keadaan, pengurusan 1MDB membentangkan maklumat yang tidak lengkap dan tidak tepat kepada Lembaga Pengarah 1MDB sebelum sesuatu keputusan penting dibuat, tanpa kelulusan daripada Lembaga Pengarah syarikat itu.

Antara punca lain syarikat pelaburan strategik itu dilanda masalah adalah berpunca daripada pengurusan 1MDB yang bertindak memberi maklumat tidak tepat atau berbeza kepada pihak berkepentingan.

"Pengurusan 1MDB mengambil tindakan yang bertentangan atau tanpa mengikut sepenuhnya keputusan Lembaga Pengarah atau pemegang saham dalam beberapa peristiwa berkaitan pelaburan.

"Pengurusan penyelenggaraan fail dan rekod 1MDB adalah tidak sistematik dan kurang memuaskan," katanya.

Sehubungan itu, JAN mencadangkan tadbir urus korporat dan kawalan dalaman syarikat 1MDB harus diperbaiki serta dipertingkatkan dengan melaksanakan amalan terbaik tadbir urus korporat yang dilihat dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan.

Dengan tadbir urus yang baik juga, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan 1MDB dapat membantu mencapai objektifnya, sekali gus membolehkan operasi syarikat diurus dengan teratur.



14. Pelaburan lemah 1MDB di luar negara

KUALA LUMPUR: Laporan Pengauditan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dikeluarkan Jabatan Audit Negara (JAN) mendedahkan beberapa pelaburan bernilai tinggi yang dibuat 1MDB di luar negara menyaksikan pertimbangan lemah dibuat dalam tempoh yang singkat dan berisiko tinggi.

Hasil laporan mendapati, pelaburan awal 1MDB bagi tempoh empat tahun penubuhan syarikat itu pada 2009 hingga 2019 dengan menggunakan dana terbitan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) adalah berjumlah RM5 bilion.

Pada 31 Mac 2015, pelaburan ini akhirnya berbaki AS\$939.87 juta (RM3.725 bilion) dalam bentuk unit pelaburan portfolio bagi Syarikat Portfolio Terasing (SPC).

Projek luar negara 1MDB dengan syarikat luar negara bermula pada 2009 dengan hasrat meneroka peluang pelaburan di luar negara antara Petrosaudi Holdings (Cayman) Ltd dan 1MDB PetroSaudi Ltd (syarikat usaha sama) pada 28 September 2009.

Bagaimanapun, laporan JAN mendapati keputusan pelaburan dalam syarikat usaha sama dibuat dalam tempoh lapan hari tanpa proses penilaian terperinci dan sebelum isu atau syarat yang dibangkitkan oleh Lembaga Pengarah 1MDB diselesaikan.

Menurut JAN, terdapat empat syarikat yang berbeza didaftar dengan menggunakan nama asas PetroSaudi tetapi kertas cadangan pelaburan yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah 1MDB tidak menyatakan maklumat berkenaan.

Urus niaga luar negara 1MDB lain yang meragukan adalah membabitkan pendahuluan yang diterima oleh 1MDB PetroSaudi Ltd berjumlah AS\$700 juta (RM2.774 bilion) daripada syarikat induknya, Petrosaudi Holdings (Cayman) Ltd pada 25 September 2009 yang perlu membayar balik sepenuhnya pada atau sebelum 30 September 2009.

Pembayaran balik pendahuluan oleh syarikat usaha sama berkenaan sejumlah AS\$700 juta (RM2.774 bilion) ke dalam syarikat lain dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB.

Selain itu, kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham 1MDB untuk menukar Nota Murabahah kepada ekuiti PetroSaudi Oil Services Ltd (PSOSL) hanya ditandatangani pada 20 Jun 2012.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB sudah menandatangani lima dokumen berkaitan dengan perolehan terbabit pada 1 Jun 2012, sekali gus menunjukkan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB sudah mengambil tindakan sebelum kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB.

Pada 12 September 2012, perjanjian jual beli untuk melupuskan keseluruhan ekuiti dalam 1MDB-IHL dimeterai antara 1MDB dan Bridge Partners. Sebagai balasan, Bridge Partners mengeluarkan enam nota janji tanpa faedah bernilai AS\$2.318 bilion (RM9.19 bilion) yang perlu dibayar dalam tempoh satu bulan.

Pelaburan ini dibiayai melalui nota janji (promissory notes) sebagai ganti terimaan tunai yang kemudiannya dilabur dalam pelbagai pelaburan portfolio dalam Segregated Portfolio Company (SPC) di Cayman Islands.

Pelaburan ini dibuat melalui Bridge Global Absolute Return Fund SPC (Bridge Global SPC), iaitu syarikat yang baru sebulan ditubuhkan, tiada lesen sebagai pengurus dana dan tiada pengalaman untuk menguruskan dana yang besar.

Pada 20 Mei 2013, Lembaga Pengarah 1MDB bersetuju supaya pelaburan terbabit ditebus secara berperingkat bagi meningkatkan persepsi awam terhadap kredibiliti pelaburan 1MDB. Lembaga Pengarah 1MDB mengeluarkan sembilan arahan.

Arahan itu dibuat antara bulan Mei 2013 hingga Ogos 2014 kepada pihak pengurusan untuk menyediakan pelan, jadual dan penebusan dana portfolio SPC sama ada secara berperingkat atau keseluruhan. Bagaimanapun, tiada tindakan segera diambil oleh pihak pengurusan 1MDB.

Pada Disember 2014, penebusan berjumlah AS\$993 juta (RM3.935 bilion) dibayar untuk bayaran penamatkan opsyen Aabar.

Keseluruhan dana portofolio SPC sebenarnya dicagarkan kepada Deutsche Bank bagi pinjaman berjumlah AS\$975 juta (RM3.864 bilion) di mana kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB tidak diperoleh sebelum urusan ini dibuat.

Di samping itu, hasil penebusan portfolio SPC berjumlah AS\$1.392 bilion (RM5.52 bilion) yang dimasukkan ke dalam akaun bank Brazen Sky Ltd dipindahkan kepada 1MDB Global Investments Limited.



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya

15. Banyak angka kewangan mencurigakan - PM

PETALING JAYA: Penelitian mendapati beberapa angka kedudukan prestasi kewangan negara yang diterbitkan sebelum ini adalah palsu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, ketika menjelaskan pendedahan itu, berkata pihaknya terpaksa menjalankan semakan semula terhadap perkara terbabit sebelum mengemukakan unjuran prestasi kedudukan kewangan baharu.

"Saya sedar banyak daripada angka ini adalah palsu. Justeru, kita kena semak setakat mana ia menepati kebenaran," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di Menara Yayasan Selangor di sini, hari ini.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sebelum ini dilaporkan berkata unjuran pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh dengan dipacu sektor swasta sebagai penjana utama ekonomi, membabitkan kadar antara lima hingga 5.5 peratus untuk 2018.

Pada 12 April lalu, Bank Dunia turut menaikkan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tahun ini kepada 5.4 peratus daripada 5.2 peratus sebelum ini, disokong perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi.

Turut dijangkakan adalah negara dalam landasan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi di antara tahun 2020 dan 2024.

Semakan terbaharu itu, walaupun untuk kali pertama dibuat pada tahun ini, adalah rentetan daripada tiga semakan menaik pada 2017.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Mahathir menepis kegusaran segelintir pihak, khususnya pemerhati ekonomi bahawa penarafan Malaysia bakal merosot susulan keputusan meletakkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkadar sifar berkuat kuasa 1 Jun ini.

"Kita tidak perlu risau mengenai kemerosotan penarafan negara kerana perbelanjaan Malaysia berupaya dikurangkan dan pelbagai langkah diambil untuk menangani pembaziran.

"Pada masa sama, kita akan meningkatkan pendapatan daripada petroleum kerana bajet (sebelum ini) dibuat ketika harga minyak mentah dunia berkadar AS\$52 (RM208), berbanding AS\$70 (RM280) sekarang.

"Oleh itu, kita unjurkan lonjakan kutipan pendapatan daripada petroleum," katanya.

Menyentuh dasar penyaluran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Dr Mahathir menjelaskan ia akan terus diberikan kepada individu yang layak.

Bagaimanapun, katanya, kajian bersesuaian akan dilaksana untuk meneliti kumpulan penerima susulan wujud kes sebelum ini bahawa ia diberikan kepada individu yang tidak layak.

"Kadang kala, ada orang yang tidak sepatutnya terima BR1M, tapi dapat juga. Justeru, kita akan kaji semula.

"BR1M juga tidak boleh dianggap sebagai rasuah, selain dianggap sebagai kewajipan untuk menyokong kerajaan, sebaliknya ia wajar dilihat sebagai pemangkin menyelesaikan masalah sosial," katanya.



AHLI Perniagaan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low.

16. Daim panggil Jho Low balik bantu siasatan

KUALA LUMPUR: Ahli Perniagaan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low, dipanggil pulang ke Malaysia oleh Tun Daim Zainuddin untuk membantu siasatan syarikat pelaburan kontroversi, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Daim yang juga Pengurus Majlis Penasihat Kerajaan menegaskan Jho Low ada individu terpenting dan utama bagi membantu siasatan 1MDB.

Beliau juga mengakui tahu di mana Jho Low berada ketika ini.

"Saksi terpenting (untuk 1MDB) sudah semestinya Jho Low. Saya tahu di mana dia dan saya mahu dia pulang untuk bantu saya," katanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat Majlis Penasihat Kerajaan di Menara Ilham, hari ini.

Ditanya adakah kerajaan berkemampuan menangkap individu yang terbabit dengan skandal 1MDB, Daim menegaskan di sini undang-undang memainkan peranan utama.

Bekas Menteri Kewangan itu berkata, sesiapa sahaja yang bersalah akan diheret sehingga terbukti kesalahan mereka.

"Kita mesti patuh dan ikut lunas undang-undang. Kita berjanji akan heret mereka ke muka pengadilan. Akan ada siasatan sesuai. Kita akan tentukan kes berkenaan dan mereka akan didakwa di mahkamah. Ketika itu, mereka akan pertahankan diri mereka."

"Sekiranya peraturan atau undang-undang gagal sabit kesalahan, dia akan dilepaskan. Ini termaktub kepada semua pihak termasuk bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya.

17. Segera tubuh RCI siasat FELDA

KUALA LUMPUR: Majlis Penasihat Kerajaan bersetuju menyegerakan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat FELDA.

Presiden Persatuan Anak Peneroka FELDA Kebangsaan (ANAK), Mazlan Aliman, berkata persetujuan itu antara janji Tun Daim Zainuddin selaku ketua majlis berkenaan yang bimbang dengan situasi FELDA.

"RCI antara perkara yang saya tekankan dalam mesyuarat hari ini berikutan kemelut yang berlaku khususnya ketika Tan Sri Isa Samad menerajui FELDA. Penubuhan RCI juga sejajar dengan manifesto Pakatan Harapan (PH).

"Ini kerana, masyarakat FELDA tidak tahu apa sebenarnya berlaku terhadap kewangan FELDA yang begitu serius sebagaimana disebutkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 31 Disember 2016, di mana kerugian bersih ditanggung FELDA adalah RM1.37 bilion dengan beban hutang RM6 bilion.

"Oleh itu, kita minta RCI ditubuhkan supaya dapat mendedahkan ketirisan harta ataupun aset serta wang FELDA," katanya kepada pemberita selepas hadir taklimat dan mesyuarat Majlis Penasihat Kerajaan di Menara Ilham, di sini, hari ini.

Mengulas cadangan keduanya kepada anggota Majlis Penasihat Kerajaan, Mazlan berkata pihaknya mengesyorkan supaya diwujudkan satu mekanisme untuk menyelesaikan beban hutang peneroka mencecah RM100,000 seorang yang dikhawatiri akan meningkat jika tiada penyelesaian.

Ketiga pula, beliau mencadangkan supaya anak syarikat FELDA yang melaksanakan kerja tanam semula iaitu FELDA Teknoplant dikaji semula atau ditamatkan perkhidmatan kerana didapati gagal dalam perkhidmatan.

Beliau mendakwa FELDA Teknoplant gagal menyempurnakan tanggungjawab menyelenggara kebun peneroka sehingga membelenggu hutang peneroka dan menjelaskan pendapatan golongan itu.

"Keempat, kita bangkitkan mengenai FGV mengenai keadaan buruk berlaku di FELDA berikutan penyenaraian dibuat pada 28 Jun 2012 apabila tanah dan ladang FELDA dipajak oleh FGV selama 99 tahun.

"Kemudiannya kepentingan dalam FELDA Holdings sebanyak 51 peratus dibeli FGV menyebabkan sumber pendapatan FELDA hilang hampir 60 peratus atau lebih kurang defisit pendapatan FELDA RM1 bilion setiap tahun.

"Ini menyebabkan perjalanan FELDA khususnya peneroka FELDA berada dalam keadaan mencemaskan," katanya.



PRESIDEN Anak Peneroka Felda Kebangsaan, Mazlan Aliman bercakap kepada wartawan selepas menghadiri Mesyuarat Majlis Penasihat Kerajaan di Menara Ilham.



BEKAS pegawai PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi), Xavier Andre Justo meninggalkan yayasan Kepimpinan Perdana selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

18. Justo temui PM

PUTRAJAYA: Bekas pegawai PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi), Xavier Andre Justo, mengadakan pertemuan kira-kira sejam dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Justo dilihat meninggalkan Yayasan Kepimpinan Perdana kira-kira jam 2 petang selepas pertemuan itu.

Semalam, Justo turut mengadakan pertemuan lebih sejam dengan Dr Mahathir di kediaman peribadi Perdana Menteri itu di The Mines, Seri Kembangan.

Justo, 49, dipenjara tiga tahun di Bangkok selepas ditahan di rumahnya di pulau peranginan Koh Samui, selatan Thailand pada 22 Jun 2015 setelah pegawai PetroSaudi membuat aduan dia cuba memeras ugut syarikat itu sebanyak 2.5 juta Swiss francs (RM11 juta) dengan menggunakan dokumen dicuri daripada syarikat itu.

Pada Disember 2016, Justo, antara 150,000 banduan Thailand dan warga asing, diberikan pengampunan oleh Raja Thailand, Maha Vajiralongkorn.



19. Kerajaan tubuh Pasukan Khas Siasatan 1MDB

PUTRAJAYA: Kerajaan hari ini mengumumkan penubuhan pasukan khas bagi menyiasat secara terperinci kes 1Malaysia Development Bhd (1MDB), kata Pejabat Perdana Menteri (PMO).

Pasukan Khas Siasatan 1MDB itu akan membuat siasatan, pengesahan dan rampasan aset serta pendakwaan terhadap individu yang melakukan kesalahan jenayah dalam pengurusan syarikat berkenaan.

Pejabat Perdana Menteri berkata pasukan khas berkenaan ditubuhkan selepas dipersetujui Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pasukan khas itu akan diketuai bersama bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail; bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed; Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato Seri Mohd Shukri Abdull dan bekas pegawai kanan Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Abdul Hamid bin Bador.

"Keanggotaan pasukan ini akan terdiri daripada SPRM, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan beberapa peguam yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan.

"Pasukan khas ini akan bertanggungjawab dalam keseluruhan aspek penyelarasan siasatan, pengesahan kewangan dan perolehan aset yang berpuncanya daripada salah laku dan penyelewengan dana 1MDB yang tersimpan atau dilaburkan di dalam dan luar negara," kata Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan itu.

Pejabat Perdana Menteri memaklumkan, pasukan khas itu juga bertanggungjawab untuk mendapatkan kerjasama dengan pelbagai pihak agensi penguatkuasaan di Amerika Syarikat, Switzerland, Singapura, Kanada dan lain-lain negara yang berkaitan.

"Kerajaan berharap penubuhan pasukan khas ini dengan pembabitan pelbagai agensi penguatkuasaan akan berupaya mengembalikan maruah negara yang tercemar selama ini, selain mengembalikan wang dan aset rakyat Malaysia berikutan skandal kleptokrasi hasil salah laku dan penyelewengan dana 1MDB," kata kenyataan itu.



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng ketika sidang media hari pertama di Kementerian Kewangan, Putrajaya.

20. Kerajaan bayar hutang 1MDB - Guan Eng

PUTRAJAYA: Lim Guan Eng mendedahkan Kementerian Kewangan menanggung pembayaran hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebanyak RM6.98 bilion sejak April 2017 dan bukan program rasionalisasi syarikat berkenaan.

Bercakap kepada media selepas memulakan hari pertama tugas sebagai Menteri Kewangan hari ini, Guan Eng berkata jumlah berkenaan adalah termasuk pembayaran untuk perjanjian penyelesaian dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) berjumlah RM5.05 bilion.

"Perkara ini mengesahkan rasa curiga umum mengenai 1MDB yang selama ini mengaburi rakyat dengan mendakwa mereka telah membayar hutang menerusi program rasionalisasi yang berjaya sedangkan Kementerian Kewangan yang selama ini menyelamatkan 1MDB.

"Lebih buruk, senarai pembayaran hutang terkini itu hanya membabitkan faedah, bayaran kupon dan pendahuluan daripada IPIC.

"Itu belum lagi mengambil kira hutang berbilion ringgit yang akan matang bermula tahun 2022," katanya.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Siti Zauyah Mohd Desa.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, kerajaan juga perlu melunaskan bayaran faedah pinjaman 1MDB berjumlah RM143.75 juta pada 30 Mei ini.

Selain itu katanya, 1MDB juga perlu menyelesaikan faedah pinjaman berjumlah RM810.21 juta bagi bulan antara September hingga November ini.

"Saya dimaklumkan Arul Kanda masih kekal sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB sehingga 30 Jun ini. Beliau sehingga hari ini menegaskan yang 1MDB mampu membayar hutangnya.

"Sehubungan itu, saya telah memberi arahan kepada Arul Kanda supaya memberi penjelasan sama ada 1MDB masih mampu membayar hutang yang akan berakhir minggu depan.

"Saya juga telah meminta untuk berjumpa dengan Pengarah 1MDB, Datuk Kamal Mohd Ali dan Datuk Norazman Ayob bagi memberi penjelasan kepada kementerian mengenai situasi semasa dalam 1MDB," katanya.



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail beramah mesra dengan penduduk setempat ketika tiba pada Majlis Kesyukuran Kemenangan Rakyat Parliment Lembah Pantai

21. Pembatalan projek HSR ambil kira semua aspek'

KUALA LUMPUR: Keputusan kerajaan membatalkan projek Kereta Api Berkelaian Tinggi (HSR) antara Kuala Lumpur dan Singapura dibuat selepas mengambil kira semua aspek, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau berkata, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai alasan untuk membuat keputusan sedemikian.

"Saya fikir, beliau mengambil kira banyak perkara... sama ada kita mampu atau tidak, sama ada kos efektif atau tidak.

"Biasanya, HSR bukan mode pengangkutan pilihan kerana kita ada pengangkutan lain seperti penerbangan domestik dan tambang rendah," katanya kepada pemberita pada Majlis Kesyukuran Kemenangan Rakyat di Kompleks Sukan Pantai Eco Park di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengesahkan Malaysia akan membatalkan projek berkenaan dan mungkin perlu membayar pampasan sebanyak RM500 juta kepada Singapura.

Projek HSR yang membabitkan laluan sepanjang 335 kilometer dari Kuala Lumpur ke Singapura, dijadualkan siap pada 2026.

Ditanya mengenai status projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Dr Wan Azizah berkata terma yang terkandung dalam kontrak berkenaan adalah 'sangat pelik'.

"Perdana Menteri akan melihatnya kerana kita tidak mahu membayar apa-apa pampasan yang akan menjadi kerugian bagi negara," katanya.

Sabtu lalu, Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian, dilaporkan berkata projek ECRL yang sudah bermula kini berjalan lancar dengan kontraktor utama, China Communications Construction Company Ltd, bekerjasama rapat dengan pemilik projek, Malaysia Rail Link Sdn Bhd.

Projek ECRL sepanjang 688 km, menghubungkan Pelabuhan Klang dan Kota Bharu. Ia dianggar menelan belanja kira-kira RM55 bilion dan dijadual siap pada 2024.



PENGERUSI Jawatankuasa Siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tan Sri Abu Talib Othman keluar dari perkarangan Menara Ilham selepas selesai mengadakan mesyuarat bersama Majlis Penasihat Kerajaan di Tingkat 60, Menara Ilham.

22. Perlu teliti semula laporan audit 1MDB

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan meneliti semula Laporan Pengauditan 1MDB selepas ia dikategorikan sebagai Dokumen Terbuka.

Namun begitu, Pengerusinya, Tan Sri Abu Talib Othman, berkata masih terlalu awal untuk jawatankuasa diketuaunya mengulas atau mengeluarkan kenyataan mengenai hasil siasatan dan penemuan yang diperoleh setakat ini.

"Masih terlalu awal untuk diulas. Kami masih meneliti maklumat daripada jabatan berkaitan. Jawatankuasa ini berusaha untuk menyelaras sebaik mungkin bagi menyelesaikan perkara ini secepat mungkin.

"Kami perlu pengesahan lanjut untuk lebih jelas. Seperti yang Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad) kata, siasatan mesti adil dan mengikut peraturan dan prosedur. Kami tidak boleh agak-agak saja. Ini (pengesahan) yang kami lakukan," katanya kepada media di Menara Ilham di sini, hari ini.

Jawatankuasa siasatan itu berbincang dengan wakil Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Sekuriti hari ini bagi mendapatkan maklumat baharu mengenai dakwaan terhadap penyelewengan 1MDB.

Laporan Pengauditan 1MDB yang dikelaskan sebagai RAHSIA pada 22 Januari 2016 dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) pada 4 Mac 2016, diisythihar sebagai Dokumen Terbuka pada 15 Mei lalu.

Abu Talib turut berkata, siasatan terhadap 1MDB mungkin mengambil masa yang agak lama kerana ia bergantung kepada aspek kerumitan yang ditemui dalam siasatan.

"Hanya Tuhan tahu berapa lama ia akan ambil masa. Jawatankuasa kami hanya menyelaras pasukan penyiasat.

"Kami perlu menyatukan tindakan bagi mengelak siasatan bertindih," katanya.